

## 10.0 RUMUSAN

Hasil kajian yang telah dibuat merumuskan bahawa dua aspek penting perlu ditekankan di dalam pembangunan landskap di sini iaitu aspek penonjolan warisan dan aspek pembangunan pesisir sungai. Kedua-dua aspek penting ini diadun dengan teliti di dalam menghasilkan cadangan-cadangan tindakan pembangunan yang akan memberi impak yang optimum di seluruh kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Teluk Intan.

Teluk Intan yang sebenarnya mempunyai kegemilangan di zaman silam perlu ditonjolkan dengan sebaiknya agar ianya tidak hanya dikenali sebagai sebuah perbandaran biasa. Teluk Intan yang terkenal suatu masa dahulu sebagai pusat perdagangan semasa rancaknya pengeluaran bijih timah merupakan nadi utama pengeksportan hasil bumi itu. Antara bandar yang terawal mempunyai jaringan keretapinya, Teluk Intan juga pernah menjadi Pusat Pentadbiran di Perak. Selain itu ianya juga pernah menjadi sebuah Bandar DiRaja sebelum berpindah ke Kuala Kangsar.

Sungai Perak di situ telah menjadi saksi atas segala kegemilangan yang disebutkan di atas. Jadi wajarlah pembangunan landskap yang menitiberatkan pembangunan pesisir sungai diambilkira. Kesenambungan rekreasi sungai diterapkan agar penghayatan terhadap aset semulajadi ini dapat membantu semua pihak agar terus menjaga, menyayangi dan mendapat faedah dari sungai ini.

Dari segi pendekatan yang menyeluruh pula, dengan memberi penekanan yang lebih terhadap kategori-kategori landskap tertentu akan dapat menjamin keseluruhan pembangunan yang mapan dan seimbang.

Garis panduan-garis panduan pembangunan yang dicadangkan akan dapat dijadikan rujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung terhadap pembangunan fizikal amnya dan pembangunan landskap khususnya.

Garis panduan pembangunan akan membantu di dalam merancang dan merekabentuk sesuatu kategori pembangunan itu manakala garis panduan penyelenggaraan akan mengekalkan sesuatu rekabentuk itu pada tahap estetik yang dikehendaki. Cadangan pengurusan pula mengambilkira kapasiti modal insan yang diperlukan untuk memastikan segala pembangunan landskap itu sentiasa teratur, berkesan dan terjaga dengan baik.

Cadangan-cadangan pembangunan yang disertakan dengan anggaran kos akan dapat menunjukkan skala kewangan yang diperlukan di dalam merealisasikan pembangunan-pembangunan tersebut.

Kesepaduan usaha untuk meningkatkan keseluruhan pembangunan landskap di kawasan Majlis Perbandaran Teluk Intan akan memastikan tujuan menonjolkan Teluk Intan sebagai salah satu destinasi pelancongan yang bertaraf antarabangsa akan dapat dicapai dengan jayanya.

Pelan Induk Landskap MPTI ini akan memandu halatuju pembangunan landskap Majlis Perbandaran Teluk Intan dan kesepakatan semua agensi pelaksana adalah kunci utama ke arah mewujudkan Teluk Intan sebagai sebuah '**Bandar Warisan Dalam Taman Pesisir Sungai**'.